

# Rumah terbuka atas jalan tali air

um 24/10/2006

**Majlis berkenaan akan menimbulkan suasana kemeriahan Hari Raya memandangkan persiapan penduduk turut musnah akibat banjir**

**ARIFFIN MAN**  
ADUN Bukit Lada

**ALOR STAR** 23 Okt. – Sebanyak 50 keluarga yang terlibat dengan banjir di Kampung Lubuk Keriang, Mukim Lesong dekat sini akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri esok di atas jalan tali air yang terletak berhadapan kampung tersebut.

Majlis anjuran bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Lada, Ariffin Man dan masyarakat kampung tersebut akan diadakan selepas sembahyang Hari Raya sehingga pukul 4 petang.

Ariffin berkata, jalan tali air itu dipilih sebagai lokasi rumah terbuka kerana ia merupakan kawasan tinggi yang tidak dinaiki air.

“Majlis berkenaan akan menimbulkan

suasana kemeriahan Hari Raya memandangkan persiapan penduduk turut musnah akibat banjir.

“Keadaan rumah mereka masih berlumpur dan memandangkan umat Islam akan menyambut Aidilfitri esok, mustahil mereka sempat mengemas bagi meraikan sambutan itu di rumah masing-masing,” kata-

nya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ariffin memberitahu, sebanyak empat buah khemah dipasang di atas jalan tali air tersebut.

Jalan itu juga terpaksa ditutup sepanjang berlangsungnya majlis tersebut kecuali bagi mereka yang ingin berkunjung ke rumah terbuka berkenaan.

Jelasnya, beliau akan meminta kebenaran daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) sebagai pemilik jalan itu dan berkerjasama dengan polis bagi memastikan majlis rumah terbuka itu berjalan lancar.

“Rumah terbuka itu akan memudahkan saudara-mara datang mengunjungi mangsa banjir sempena Hari Raya,” ujarnya.

Ariffin berkata, walaupun banjir di kawasan itu sudah mulai surut tetapi masih terdapat 11 keluarga yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir di dewan orang ramai kampung tersebut.

Beliau yakin semua mangsa akan dapat pulang ke rumah masing-masing jika keadaan cuaca mengizinkan.